

Mahathir tegur anggapan akan jadi robot

UM 26 NOV 1982

Dr. Mahathir Mohamad menulis mengenai etika kerja dalam "Merdeka" dapatkan di pasaran sekarang

KUALA LUMPUR 25 Nov. - Datuk Sri Dr. Mahathir menegur-setengah-setengah orang Melayu yang tidak berminat untuk rajin dengan alasan kerajinan akan menjadikan mereka robot atau hamba sementara yang mendapat manfaat hanya majikan.

Perdana Menteri menegaskan alasan ini tidak boleh diterima lagi kerana di Malaysia sekarang pemilikan perniagaan dan perusahaan oleh orang kaya secara perseorangan sudah kurang sementara melalui Amanah Saham Nasional kebanyakan syarikat gergasi dimiliki oleh orang yang tidak kaya.

Dalam tulisannya bertajuk 'Etika Kerja' di dalam keluaran terbaru 'Merdeka', lidah

tidak kecil dan banyak punca kekayaan ada padanya. Sebabnya ialah etika kerja kita tidak seperti yang diperlukan untuk kemajuan.

"Di antara penduduk Malaysia pula, orang Melayu tidak begitu maju kerana sebab yang sama. Kebenaran ini mesti diakui jika pemulihan hendak dicapai.

"Tidak ada rawatan yang berkesan tanpa pengenalan dan pengiktirafan penyakit yang menyerang," jelasnya.

Terdahulunya beliau memberi contoh bagaimana bangsa Barat yang dahulunya rajin tetapi sekarang sudah menjadi malas menjadi mundur berbanding dengan orang Jepun dan Korea yang masih terkenal kerana nilai tinggi mereka.

rasmī UMNO Malaysia, Presiden UMNO itu juga menarik perhatian: Bangsa Barat yang dulunya rajin sudah menjadi mundur dibanding dengan bangsa Jepun dan Korea kerana mereka sekarang sudah menjadi malas.

Katanya, kerajinan adalah salah satu sifat etika kerja. Yang lainnya ialah kejujuran, amanah, berdisiplin dan berjimat cermat.

Datuk Sri Dr. Mahathir berkata, orang Melayu, umpamanya, menilai tinggi kerajinan, tetapi tidak begitu berminat untuk rajin bekerja atau belajar.

"Bermacam alasan dibuat untuk tidak bekerja atau belajar dengan rajin. Yang akhir sekali ialah anggapan bahawa meminjam nilai Barat, iaitu kerajinan akan menjadikan kita hamba atau robot.

"Kononnya kalau rajin, manfaatnya akan diperolehi oleh majikan dan majikan digambarkan sebagai orang kaya yang menghisap darah pekerjanya.

"Gambaran ini mungkin benar pada suatu ketika, tetapi lebih mungkin ia tidak benar di zaman ini - zaman apabila orang kaya dikenakan cukai yang tinggi.

"Mereka terpaksa tunduk kepada perintah pihak yang berkuasa, terpaksa mengiktiraf kesatuan sekerja dan terpaksa menerima undang-undang dan aturan-peraturan," jelasnya.

Perdana Menteri menambah, hasil yang dikutip dari orang kaya digunakan untuk pembangunan, untuk kepentingan orang miskin, terutamanya.

"Lagi pula, pemilikan perniagaan dan perusahaan oleh orang yang kaya secara perseorangan, sudah pun berkurangan, lebih banyak perniagaan dimiliki oleh pembeli saham dan mereka ini bukanlah semuanya orang yang kaya raya. Mungkin juga mereka pekerja biasa.

"Di Malaysia, melalui Amanah Saham Nasional kebanyakan syarikat gergasi dimiliki oleh orang yang tidak kaya.

"Oleh itu, gambaran majikan yang kejam dan tak bertimbang rasa tidaklah boleh diterima sebagai alasan kenapa kita tidak perlu rajin," tegas Datuk Sri Dr. Mahathir.

Perdana Menteri menegaskan, Malaysia tidak begitu maju walaupun bilangan penduduknya

terhadap kerajinan.

"Tidak dapat dinafikan bahawa bangsa-bangsa Barat masih jauh mendahului orang Timur dalam beberapa bidang, tetapi adalah nyata sekali bahawa dalam beberapa bidang tertentu bangsa-bangsa Barat sudah tidak lagi dapat bersaing dengan orang Korea dan orang Jepun.

"Tanda-tanda sudah ada yang menunjukkan bahawa Barat akan kalah lagi dalam berbagai bidang, jika mereka terus dengan sikap malas mereka dan orang Timur terus rajin," katanya.

Beliau berkata, selain kerajinan, kejujuran dan amanah juga penting dan pekerja yang tidak mempunyai sifat-sifat itu akap menjejaskan nama baik bangsanya sehingga bukan saja peluang kerja akan berkurangan bagi rakan sebangsanya, tetapi mereka juga tidak akan dapat layanan yang sama dengan kaum atau bangsa lain.

Satu lagi, iaitu disiplin diri bermakna bukan saja patuh kepada arahan ketua, tetapi juga patuh kepada kepentingan kerja, tambah beliau.

Di samping itu, katanya lagi, berjimat cermat adalah satu lagi sifat dalam etika kerja. Jika kerana pekerja menggunakan alat-alat dengan kasar dan kerosakan berlaku sepanjang masa, sudah tentu perusahaan atau perniagaan akan menanggung beban belanja yang akan menjadikannya tidak 'competitive.'